

PENGUASAAN ILMU BALAGHAH SEBAGAI ASAS PENGHAYATAN KEINDAHAN AL-QURAN: SATU KAJIAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT AWAM MELALUI PENDEKATAN TAFSIR LUGHAWI

MASTERY OF BALAGHAH AS THE FOUNDATION FOR APPRECIATING THE BEAUTY OF THE QUR'AN: A STUDY AMONG THE GENERAL PUBLIC THROUGH THE LINGUISTIC EXEGESIS (TAFSIR LUGHAWI) APPROACH

Mohamad Syukri Abdul Rahman^{* 1}

Md Noor Hussin²

Saifulah Samsudin³

Ahmad Redzaudin Ghazali⁴

Naqibah Mansor⁵

¹ Universiti Islam Selangor, Email: msyukri@uis.edu.my

² Universiti Islam Selangor, Email: mdnoor@uis.edu.my

³ Universiti Islam Selangor, Email: saifulah@uis.edu.my

⁴ Universiti Islam Selangor, Email: redzaudin@uis.edu.my

⁵ Universiti Islam Selangor, Email: naqibah@uis.edu.my

*Corresponding author: msyukri@uis.edu.my

Article history

Received date : 15-8-2026

Revised date : 16-8-2026

Accepted date : 12-9-2026

Published date : 17-9-2026

To cite this document:

Abdul Rahman, M. S., Hussin, M. N., Samsudin, S., Ghazali, A. R., & Mansor, N. (2026). Penguasaan ilmu balaghah sebagai asas penghayatan keindahan al-Quran: Satu kajian dalam kalangan masyarakat awam melalui pendekatan tafsir lughawi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86), 433 – 451.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meneliti penguasaan ilmu Balaghah sebagai asas kepada penghayatan keindahan al-Quran dalam kalangan masyarakat awam melalui pendekatan tafsir lughawi. Fokus utama penyelidikan ini ialah untuk mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat terhadap konsep-konsep utama balaghah seperti al-Ma'ani, al-Bayan, dan al-Badi', serta menilai sejauh mana kefahaman tersebut membantu mereka menghayati mesej linguistik dan estetik al-Quran. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif melalui kaedah temu bual separa berstruktur. Seramai sepuluh orang informan daripada kalangan masyarakat awam yang mengikuti kelas tafsir di beberapa buah masjid dan surau telah dipilih sebagai sampel kajian. Dapatan menunjukkan bahawa penguasaan asas ilmu balaghah membantu masyarakat memahami maksud tersirat, simbolisme, dan keindahan struktur bahasa al-Quran dengan lebih mendalam. Namun, tahap kefahaman mereka masih terbatas kepada aspek literal, disebabkan kurangnya pendedahan terhadap pendekatan tafsir lughawi yang menekankan analisis linguistik. Kajian ini mencadangkan agar pengajaran tafsir kepada masyarakat awam mengintegrasikan unsur balaghah dan analisis lughawi secara sistematik bagi memperkukuh penghayatan makna dan keindahan bahasa al-Quran.

Kata kunci: *Balaghah, penghayatan al-Quran, tafsir lughawi, masyarakat awam, keindahan bahasa Arab*

Abstract: *This study aims to examine the mastery of Balaghah as a foundation for appreciating the beauty of the Qur'an among the general public through the tafsir lughawi (linguistic exegesis) approach. The main focus of this research is to identify the level of public understanding of the key concepts of Balaghah—namely al-Ma'ani, al-Bayan, and al-Badi'—and to assess how this understanding contributes to their appreciation of the Qur'an's linguistic and aesthetic messages. This study employs a descriptive qualitative design using semi-structured interview methods. A total of ten informants from the general public who attend tafsir classes at several mosques and prayer halls were selected as research samples. The findings indicate that a basic mastery of Balaghah helps individuals to better comprehend the implicit meanings, symbolism, and structural beauty of the Qur'anic language. However, their understanding remains limited to the literal level due to insufficient exposure to the tafsir lughawi approach, which emphasizes linguistic analysis. The study suggests that Qur'anic exegesis instruction for the general public should systematically integrate Balaghah elements and linguistic analysis in order to strengthen their appreciation of the meanings and linguistic beauty of the Qur'an.*

Keywords: *Balaghah, Qur'anic appreciation, tafsir lughawi, general public, Arabic linguistic beauty*

Pendahuluan

Al-Quran merupakan mukjizat bahasa yang tiada tandingan, bukan sahaja dari segi kandungan mesejnya yang menyentuh aspek keimanan, syariah dan akhlak, tetapi juga dari segi keindahan struktur linguistik dan gaya bahasanya yang menonjolkan kemukjizatan retorik (*i'jaz balaghiyy*). Keindahan bahasa al-Quran terzhahir melalui pelbagai unsur balaghah seperti *tasybih, isti'arah, majaz, kinayah, al-Ma'ani, al-Bayan, dan al-Badi'* yang berfungsi memperkukuh makna serta meninggalkan kesan mendalam terhadap jiwa pendengar dan pembacanya. Justeru, penguasaan terhadap ilmu Balaghah menjadi asas penting dalam memahami dimensi keindahan serta mesej mendalam yang terkandung dalam al-Quran.

Namun begitu, masyarakat awam pada hari ini kebanyakannya hanya memahami al-Quran dari sudut terjemahan literal, tanpa mendalami aspek retorik dan estetika bahasanya. Kefahaman sedemikian menyebabkan makna al-Quran sering difahami secara dangkal dan tidak menyeluruh. Sedangkan, ilmu Balaghah berperanan penting untuk membuka ruang pemahaman terhadap maksud tersirat, simbolisme, serta hubungan makna antara lafaz dan konteks. Dalam hal ini, pendekatan tafsir lughawi — iaitu tafsir yang berasaskan analisis bahasa Arab dari sudut nahu, sarf, dan balaghah — mampu menjadi jambatan antara kefahaman literal dan penghayatan makna mendalam al-Quran.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa masyarakat awam sering berhadapan kesukaran memahami istilah teknikal balaghah, selain kekurangan bahan pengajaran yang menjelaskan fungsi keindahan bahasa dalam konteks tafsir. Hal ini menuntut satu pendekatan yang lebih sistematik dan mudah diakses bagi membantu mereka menelusuri keindahan linguistik al-Quran. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti tahap penguasaan masyarakat awam terhadap ilmu Balaghah dan hubungannya dengan penghayatan keindahan al-Quran melalui pendekatan tafsir lughawi. Penyelidikan ini diharapkan dapat memberi sumbangan terhadap pengukuhan kefahaman masyarakat terhadap al-Quran, bukan sahaja sebagai teks keagamaan,

tetapi juga sebagai karya linguistik agung yang menggabungkan keindahan bahasa dan ketelitian makna secara serentak.

Bahasa Arab untuk Tujuan Keagamaan (BAUTK)

Bahasa Arab memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan umat Islam kerana ia merupakan bahasa wahyu, iaitu bahasa al-Qur'an dan hadis. Kefahaman terhadap teks keagamaan Islam sangat bergantung kepada keupayaan memahami bahasa Arab dengan baik. Maka lahirlah satu cabang dalam bidang pembelajaran bahasa Arab yang dikenali sebagai Bahasa Arab untuk Tujuan Keagamaan (BAUTK), atau dalam istilah antarabangsa disebut sebagai *Arabic for Religious Purposes (ARP)* (Al-Zubaidi, 2018).

Konsep BAUTK ini berkembang daripada pendekatan *Arabic for Specific Purposes (ASP)* yang menekankan keperluan mempelajari bahasa berdasarkan konteks tertentu. Namun, BAUTK lebih berfokus pada matlamat memahami kandungan agama, sama ada dalam bidang tafsir, hadis, fiqh, aqidah, mahupun dakwah (Md Noor, 2024). Ia bukan sekadar mempelajari bahasa sebagai alat komunikasi, tetapi sebagai *wasilah* untuk mendekati wahyu dan membina kefahaman Islam yang sahih.

Peranan bahasa Arab yang tidak dapat dinafikan dalam amalan keagamaan Islam menjadikannya satu keperluan untuk diajar dan dipelajari bagi tujuan keagamaan. Seperti yang dinyatakan oleh Nasir et al. (2015) dan Rosni (2009), bahasa Arab bukan sahaja berfungsi sebagai medium dalam kewajipan agama harian, tetapi juga memainkan peranan penting dalam memahami teks-teks asas Islam seperti al-Quran dan Sunnah. Pandangan ini turut disokong oleh Naimah et al. (2006) serta Hassan Basri & Mohd Azhar (2005), yang menekankan kepentingan bahasa Arab dalam membantu umat Islam mendalami agama mereka melalui ibadah harian dan amalan ritual.

Namun demikian, meskipun kajian sedia ada mengesahkan keperluan asas bahasa Arab dalam amalan Islam, masih terdapat jurang, khususnya dalam menilai tahap penguasaan bahasa dalam komuniti Muslim. Farhana Idris & Munirah Azrae (2015) serta Manap et al. (2022) menyoroti bahawa walaupun kesedaran masyarakat mengenai kepentingan bahasa Arab semakin meningkat, tahap penguasaannya masih tidak seimbang. Keadaan ini memberi kesan terhadap keupayaan individu dalam mengaplikasikan ilmu bahasa Arab secara berkesan dalam konteks keagamaan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menilai dan meningkatkan kemahiran bahasa secara praktikal melalui program pendidikan agama yang lebih tertumpu.

BAUTK menekankan penguasaan bahasa dalam konteks memahami teks wahyu dan turath Islam. Berbeza dengan pendekatan bahasa umum, BAUTK memberi tumpuan kepada kemahiran membaca dan menafsir teks keagamaan, mengenal kosa kata tematik al-Qur'an, serta memahami struktur dan gaya bahasa Arab klasik (Abdullah, 2017). Menurut Ismail (2020), BAUTK berteraskan tiga asas utama; Asas linguistic, iaitu penguasaan struktur bahasa (nahu, sarf, balaghah) sebagai alat memahami teks agama. Kedua: Asas semantik dan kontekstual, iaitu memahami makna perkataan dan ayat mengikut konteks wahyu. Ketiga: Asas spiritual dan nilai, iaitu pembelajaran bahasa disertai dengan penghayatan nilai-nilai Islam.

Walaupun kepentingan dan usaha untuk mengintegrasikan pembelajaran bahasa Arab dalam ibadah telah diperkasakan, kajian oleh Md Noor et al. (2016) mencadangkan bahawa aspek celik dwibahasa masih kurang diterokai, sedangkan ia berpotensi meningkatkan kefahaman dalam kalangan pelajar. Kajian mereka mendapati bahawa kemahiran mendengar lebih berkembang berbanding kemahiran produktif seperti menulis atau bertutur, yang menunjukkan

ketidakseimbangan dalam pemerolehan bahasa. Oleh itu, strategi pembelajaran perlu memberi penekanan kepada pendekatan yang seimbang, yang bukan sahaja membangunkan kemahiran reseptif tetapi juga kemahiran ekspresif yang diperlukan dalam ibadah peribadi dan interaksi dalam masyarakat.

Selain itu, literatur turut menonjolkan perbezaan dalam kadar penerimaan inisiatif yang berfokus kepada pendidikan bahasa Arab untuk tujuan keagamaan. Jaffar et al. (2013) dan Ahmad Hilmi et al. (2020) menyatakan bahawa walaupun terdapat kurikulum khas seperti program BAUTA, keberkesanan dan jangkauan program ini sering terhad akibat isu aksesibiliti serta kekangan penyertaan dalam kalangan komuniti yang berbeza. Dengan merangka sistem pembelajaran yang lebih inklusif dan mudah diakses, program-program ini dapat diperluaskan, sekaligus meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan umat Islam yang lebih luas.

Secara keseluruhannya, meskipun pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan keagamaan telah diakui sebagai satu keperluan utama, masih banyak usaha yang perlu dilakukan bagi meningkatkan aksesibiliti dan keberkesannya. Inisiatif pembelajaran harus menumpukan kepada pembangunan kemahiran bahasa yang seimbang serta program yang lebih komprehensif dalam kurikulum, agar ia dapat menangani cabaran dan keperluan khusus masyarakat. Langkah ini akan memastikan bahawa pembelajaran bahasa Arab bukan sekadar memenuhi keperluan ibadah, tetapi juga memberi makna yang lebih mendalam dalam pemahaman dan penghayatan ajaran Islam.

Kajian literatur menunjukkan bahawa BAUTK berpotensi besar untuk dikembangkan sebagai disiplin tersendiri dalam pendidikan Islam moden. Bidang ini boleh diperluas kepada subdomain seperti *Arabic for Qur'anic Studies*, *Arabic for Hadith Studies*, atau *Arabic for Da'wah Purposes*. Kajian oleh Al-Zahrani (2020) mengesyorkan agar pembangunan kurikulum BAUTK berasaskan *needs analysis* pelajar agama agar lebih berfokus kepada fungsi bahasa dalam memahami teks wahyu dan menghasilkan wacana keagamaan yang sahih.

Justeru, Bahasa Arab untuk Tujuan Keagamaan merupakan satu bidang yang penting dalam memastikan kesinambungan tradisi keilmuan Islam. Pembelajaran bahasa Arab dalam konteks ini perlu menyeimbangkan aspek linguistik dan spiritual. Kajian literatur menunjukkan bahawa pendekatan berasaskan makna seperti *Tafsir Lughawi*, integrasi teknologi, dan reka bentuk kurikulum berasaskan keperluan keagamaan mampu memperkukuh keberkesanan BAUTK. Oleh itu, pendidikan bahasa Arab tidak boleh dilihat hanya sebagai penguasaan struktur, tetapi sebagai jalan memahami wahyu dan membentuk keperibadian Islam. Masa depan BAUTK bergantung kepada kemampuan pendidik dan institusi untuk mengintegrasikan nilai, teknologi, dan kaedah pengajaran inovatif dalam satu kerangka pendidikan yang holistik dan berteraskan al-Qur'an.

Pendekatan Tafsir Lughawi

Tafsir Lughawi

Tafsir lughawi, atau tafsir linguistik, memainkan peranan penting dalam memahami makna al-Quran yang mendalam dan kompleks. Aziz & Saihu (2022) serta Syafrijal (2013) membincangkan kepentingan kaedah pentafsiran ini, dengan menekankan bagaimana ia menggunakan analisis tatabahasa, leksikal, dan retorik bagi mengungkap kehalusan bahasa al-Quran. Kajian sebegini memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap unsur bahasa

yang mempengaruhi tafsiran dan pemahaman, yang penting bagi tujuan keagamaan dan akademik.

Namun begitu, meskipun tafsir lughawi mempunyai peranan yang luar biasa, sebilangan sarjana berpendapat bahawa masih terdapat jurang dalam penerapannya secara menyeluruh. Elmia & Khoirul (2022) menyoroti cabaran yang timbul daripada keunikan gaya bahasa al-Quran yang tinggi, yang memerlukan kepakaran linguistik yang mendalam dan terperinci. Walaupun usaha asas telah dilakukan oleh para sarjana seperti Hasan Ali al-Aridhi (1994) dan Quraish Shihab (1996) seperti yang diulas oleh Mahdy (2023), perkembangan dalam kajian bahasa menuntut penambahbaikan metodologi secara berterusan bagi memastikan keberkesanan pentafsiran.

Selain itu, seperti yang dinyatakan oleh Syafrijal (2013), meskipun tafsir lughawi mempunyai akar sejarah yang kukuh dan telah dikembangkan oleh tokoh besar seperti Abdullah bin Abbas, penggunaannya kadangkala terlalu bersifat literal sehingga mengaburkan matlamat tafsir yang lebih menyeluruh. Kecenderungan ini boleh menyebabkan tafsiran yang terlalu tertumpu kepada aspek bentuk bahasa semata-mata, tanpa memberi perhatian yang mencukupi kepada mesej utama yang ingin disampaikan oleh al-Quran. Mahdy (2023) mencadangkan bahawa pentafsiran linguistik perlu digabungkan dengan analisis tematik dan kontekstual bagi mencapai pemahaman yang lebih holistik.

Walaupun keperluan untuk pentafsiran yang lebih menyeluruh telah diiktiraf, pelaksanaannya dalam skala yang lebih luas masih terhad. Ahmad Hilmi et al. (2020) menyatakan bahawa kepelbagaian dan pengkhususan dalam pengajian tafsir lughawi seperti Tafsir Nahw, Tafsir Saraf, Tafsir Munasabah atau Tafsir al-Amthal membuka peluang terhadap penerokaan tematik yang lebih mendalam. Namun begitu, seperti yang dikemukakan oleh Quraish Shihab (2003) dalam Mahdy (2024), tafsir lughawi merupakan suatu kaedah penafsiran yang mendominasi analisis linguistik, oleh yang demikian jika seseorang ingin menafsirkan al-Quran melalui pendekatan ini, adalah menjadi suatu keperluan untuk individu tersebut memahami bahasa al-Quran tersebut iaitu bahasa Arab dengan mempunyai pemahaman yang meluas terhadap aspek linguistik agar penyampaian terhadap teks yang terkandung dalam al-Quran tidak tersasar daripada makna yang sebenar.

Secara kesimpulannya, meskipun tafsir lughawi kekal sebagai asas penting dalam kajian al-Quran, pendekatannya perlu berkembang dengan mengintegrasikan teknik pentafsiran yang lebih luas serta strategi keterlibatan komuniti. Dengan menangani jurang dalam aspek akademik dan praktikal, tafsir lughawi dapat diperkasa agar lebih relevan dengan keperluan pendidikan dan pentafsiran semasa.

Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Pendekatan Tafsir

Pendekatan tafsir, khususnya tafsir lughawi dalam pengajaran bahasa Arab menawarkan pemahaman yang bernilai dalam kedua-dua bidang linguistik dan keagamaan. Nasir et al. (2015) dan Syafrijal (2013) menekankan integrasi kandungan al-Quran dan Hadis dalam pembelajaran bahasa Arab, yang menunjukkan bagaimana tafsir linguistik melengkapi model pendidikan tradisional dengan memperdalam pemahaman kontekstual. Pendekatan dwifungsi ini bukan sahaja membantu penguasaan bahasa tetapi juga meningkatkan literasi keagamaan dalam kalangan pelajar.

Namun begitu, meskipun kerangka ini menjanjikan manfaat yang besar, masih terdapat jurang dalam usaha mengintegrasikan metodologi tafsir secara sistematik dalam kurikulum arus

perdana. Syafrijal (2013) berpendapat bahawa pembelajaran al-Quran secara efektif melalui kaedah linguistik sangat diperlukan dalam memahami al-Quran kerana ciri al-Quran tersebut yang menggunakan bahasa Arab yang penuh dengan sastera, gaya bahasa, balaghah dan sebagainya. Beliau turut menjelaskan bahawa penerapan yang menyeluruh dalam bidang ini menuntut kepakaran linguistik yang khusus, yang boleh menjadi halangan kepada penerimaan lebih meluas dalam sistem pendidikan umum.

Di samping itu, integrasi tafsir linguistik dalam pembelajaran bahasa Arab perlu melibatkan adaptasi pendidikan yang lebih spesifik. Mahdy (2024) meneroka bagaimana kepelbagaian tema dalam tafsir boleh menawarkan pengalaman pembelajaran yang lebih kaya. Namun, beliau juga menegaskan bahawa tanpa pelaksanaan yang berhati-hati, terdapat risiko tafsiran yang terlalu literal, yang boleh mengabaikan peluang eksplorasi tematik yang lebih luas dalam teks al-Quran. Oleh itu, reka bentuk kurikulum harus mencapai keseimbangan antara analisis linguistik yang terperinci dan eksplorasi tematik bagi memaksimumkan kesan pendidikan.

Dalam menangani kompleksiti yang lebih luas dalam kajian bahasa dan agama, literatur turut mengenal pasti batasan dalam amalan pengajaran semasa. Husna & Fikri (2023) menyatakan bahawa meskipun tafsir lughawi menawarkan pemahaman linguistik yang mendalam, ia juga menghadapi cabaran dalam menyeimbangkan antara analisis bahasa yang kritikal dan pembelajaran naratif serta kontekstual yang lebih dinamik. Oleh itu, program pendidikan perlu berusaha untuk membentuk model integratif yang menggalakkan kedua-dua pendekatan ini agar pembelajaran menjadi lebih menyeluruh.

Akhirnya, meskipun sintesis pendekatan tafsir dalam pembelajaran bahasa Arab mempunyai potensi besar, hala tuju ke hadapan perlu berfokus pada pembangunan kerangka pendidikan yang menekankan kedua-dua aspek analisis linguistik dan eksplorasi tematik secara kreatif. Menangani kelemahan dalam kurikulum sedia ada dan memperluaskan akses pendidikan akan memperkukuh peranan tafsir lughawi dalam pedagogi bahasa Arab serta meningkatkan pembelajaran sepanjang hayat terhadap teks keagamaan.

Perbincangan dalam subtopik ini menegaskan peranan penting bahasa Arab dalam aspek keagamaan dan khusus serta menyokong integrasi pendekatan linguistik seperti tafsir lughawi dalam sistem pendidikan. Walaupun bahasa Arab mempunyai asas sejarah dan kontemporari yang kukuh, kajian sedia ada menunjukkan terdapat jurang dalam aspek aksesibiliti, integrasi kurikulum, dan keseimbangan dalam pengajaran bahasa. Oleh itu, dapatan ini menekankan keperluan untuk dasar pendidikan yang komprehensif bagi mempromosikan pembangunan kemahiran dan keterlibatan kontekstual dalam pembelajaran bahasa Arab, sekaligus memudahkan pembelajaran sepanjang hayat dan memperkukuh kefasihan budaya.

Elemen Balaghah

Berdasarkan pandangan Imam As-Suyuti (W.911H) & Imam Al-Zarkasyi (W.794H), Tafsir Lughawi mempunyai beberapa elemen seperti kosa kata, struktur ayat (tarkib), tatabahasa, gaya bahasa (uslub), balaghah dan lain-lainnya. Namun dalam artikel ini penulis hanya memfokuskan elemen Balaghah.

Al-Balāghah dari segi bahasa bermaksud *sampai atau mencapai maksud*, manakala dari segi istilah, ia merujuk kepada keupayaan menyampaikan makna dengan kata-kata yang sesuai dengan situasi serta memberi kesan kepada pendengar. Menurut al-Jurjānī (t.t.), al-Balāghah ialah kesesuaian ungkapan dengan keadaan serta kejelasan bahasanya (*Dalā'il al-I'jāz*, hlm.

34), manakala Ibn al-Athīr (1967) mendefinisikannya sebagai penyampaian makna ke hati dengan lafaz yang indah (*al-Mathal al-Sā'ir*, jil. 1, hlm. 24). Al-Qazwīnī (1963) pula menegaskan bahawa al-Balāghah ialah penyampaian makna yang tinggi dengan ungkapan yang jelas, betul dan memberi kesan kepada jiwa (*Talkhīṣ al-Miftāḥ*, hlm. 7). Secara keseluruhannya, al-Balāghah ialah ilmu yang menggabungkan kefasihan, ketepatan dan keindahan bahasa dalam menyampaikan makna secara berkesan (Shawqi Dayf, 1983; 'Abd al-Raḥmān Ayyūb, 1984).

Ilmu al-Balāghah merupakan antara cabang utama dalam pengajian bahasa Arab yang menonjolkan keindahan, ketepatan, dan keberkesanan bahasa. Secara etimologi, perkataan *balāghah* berasal daripada kata kerja *balagha* (بلغ) yang membawa maksud sampai atau mencapai sesuatu. Dari segi istilah pula, para ulama bahasa seperti al-Jurjānī (t.t.) mendefinisikan al-Balāghah sebagai kemampuan menyampaikan makna dengan ungkapan yang sesuai dengan keadaan dan mempunyai kejelasan bahasa. Hal ini bermakna seseorang yang memahami ilmu balāghah mampu menyusun ucapan dan penulisan secara tepat, indah, serta berkesan mengikut situasi dan keperluan pendengar.

Secara umum, penguasaan ilmu al-Balāghah amat penting bagi sesiapa yang ingin mendalami bahasa Arab secara menyeluruh, sama ada dalam bidang linguistik, kesusasteraan, mahupun komunikasi. Pertama, ilmu ini membentuk asas kepada keupayaan menyampaikan makna secara tepat dan berkesan. Dalam komunikasi, bukan sekadar maklumat yang disampaikan, tetapi juga bagaimana sesuatu makna itu diungkapkan. Balāghah melatih pelajar memahami hubungan antara makna dan konteks (*muqtada al-ḥāl*), iaitu kemampuan memilih ungkapan yang paling sesuai dengan situasi, perasaan, dan penerima mesej. Misalnya, cara berbicara kepada khalayak umum berbeza dengan cara berbicara kepada golongan ilmuwan atau kanak-kanak. Kepekaan terhadap konteks inilah yang menjadi asas kepada keberkesanan komunikasi (al-Qazwīnī, 1963).

Kedua, ilmu al-Balāghah meningkatkan apresiasi terhadap keindahan bahasa Arab. Bahasa Arab terkenal dengan kekayaan gaya bahasa, termasuk penggunaan tasybīḥ (perumpamaan), isti'ārah (metafora), kināyah (sindiran halus), dan jinās (persamaan bunyi). Melalui pemahaman balāghah, pelajar dapat menikmati dan menilai keindahan seni berbahasa yang menjadi ciri utama karya sastera Arab klasik dan moden. Al-Balāghah bukan sekadar teori linguistik, tetapi satu bentuk seni yang menggabungkan pemikiran, perasaan, dan keindahan dalam bahasa (Shawqi Dayf, 1983).

Ketiga, ilmu balāghah juga meningkatkan kemampuan menulis dan berpidato dengan gaya yang menarik dan meyakinkan. Dalam konteks pendidikan, pelajar yang memahami aspek makna dan gaya dalam balāghah dapat menghasilkan penulisan yang lebih hidup, berstruktur, dan berpengaruh. Ini amat berguna bukan sahaja dalam bidang sastera, tetapi juga dalam komunikasi akademik, khutbah, dakwah, dan pidato. Menurut 'Abd al-Raḥmān Ayyūb (1984), penguasaan balāghah membolehkan seseorang menggunakan bahasa secara strategik — bukan sekadar untuk menyampaikan mesej, tetapi juga untuk mempengaruhi hati dan pemikiran pendengar.

Keempat, memahami balāghah juga mendidik daya kritis dan sensitif terhadap makna. Seseorang pelajar yang mempelajari ilmu ini akan terbiasa meneliti perbezaan halus antara lafaz dan makna, serta memahami kesan psikologi sesuatu susunan ayat. Ini menjadikan balāghah bukan sahaja ilmu bahasa, tetapi juga ilmu pemikiran dan estetik. Al-Jurjānī (t.t.) menegaskan bahawa hubungan antara lafaz dan makna dalam balāghah tidak boleh dipisahkan; keindahan

sesuatu ayat terletak pada keserasian dan keseimbangan antara keduanya. Oleh itu, ilmu ini melatih pelajar menjadi pengguna bahasa yang halus, berfikir mendalam, dan peka terhadap nilai seni dalam pertuturan.

Selain itu, dari sudut pendidikan bahasa, balāghah berperanan besar dalam memantapkan kefasihan (fasāhah) dan memperkayakan kosa kata. Dengan memahami peranan gaya bahasa, pelajar mampu membezakan antara ungkapan yang betul tetapi hambar dengan ungkapan yang indah dan berkesan. Misalnya, dua ayat mungkin membawa maksud yang sama, tetapi hanya satu daripadanya mampu menyentuh emosi dan meninggalkan kesan mendalam — itulah kekuatan balāghah. Oleh yang demikian, ilmu ini menjadi jambatan antara kecekapan linguistik dan keindahan retorik yang membentuk keunggulan bahasa Arab.

Dalam konteks yang lebih khusus, memahami ilmu al-Balāghah merupakan keperluan asas bagi sesiapa yang ingin mendalami tafsir al-Quran. Hal ini kerana al-Quran bukan sekadar teks linguistik, tetapi mukjizat bahasa yang mengandungi lapisan makna, gaya, dan struktur yang luar biasa. Para ulama tafsir klasik seperti al-Zamakhsharī, al-Rāzī, dan al-Bayḍāwī menjadikan balāghah sebagai alat utama dalam menjelaskan rahsia keindahan dan ketepatan susunan ayat al-Quran.

Pertama, balāghah membantu dalam memahami mukjizat bahasa (i'jāz al-Quran). Menurut al-Jurjānī dalam *Dalā'il al-I'jāz*, kemukjizatan al-Quran tidak hanya terletak pada kandungan maknanya, tetapi juga pada keindahan susunan ayat dan kesesuaian gaya bahasanya dengan konteks. Contohnya, perubahan antara gaya khabar (penyataan) dan insha' (seruan atau pertanyaan) dalam al-Quran bukan kebetulan, tetapi mempunyai fungsi retorik tertentu yang menambah kesan makna. Tanpa pengetahuan balāghah, seseorang mungkin memahami makna literal ayat tetapi gagal menyingkap kehalusan estetik dan hikmah di sebaliknya.

Kedua, ilmu ini membantu dalam menafsirkan ayat-ayat mutasyābihāt, iaitu ayat-ayat yang mempunyai makna simbolik atau kiasan. Melalui balāghah, mufasssir dapat mengenal pasti sama ada sesuatu ungkapan digunakan secara hakiki atau majazi (kiasan), serta memahami tujuan penggunaan gaya tersebut. Sebagai contoh, ayat-ayat yang menggambarkan sifat Allah menggunakan metafora tertentu yang tidak boleh difahami secara literal. Kefahaman terhadap isti'ārah dan kināyah dalam balāghah membolehkan penafsir menafsirkan ayat-ayat ini secara tepat dan sesuai dengan akidah Islam (Ayyūb, 1984).

Ketiga, balāghah turut berperanan dalam menghuraikan hubungan antara ayat dan surah dari segi tema dan emosi. Ilmu ini membolehkan seseorang memahami mengapa sesuatu perkataan atau susunan tertentu digunakan dalam satu tempat tetapi digantikan dengan perkataan lain dalam ayat yang hampir sama. Perbezaan ini sering kali membawa makna tambahan yang mendalam, seperti perbezaan nada, konteks situasi, atau tujuan dakwah.

Keempat, ilmu al-Balāghah menguatkan tadabbur dan penghayatan terhadap al-Quran. Memahami keindahan gaya bahasa al-Quran bukan sekadar meningkatkan kefahaman intelektual, tetapi juga memperdalamkan hubungan spiritual antara pembaca dan Kalam Allah. Seperti yang dinyatakan oleh Shawqi Dayf (1983), balāghah ialah kunci untuk membuka rahsia keindahan bahasa wahyu dan memahami kesan psikologi yang ingin dicapai oleh setiap susunan ayat. Dengan itu, pelajar tafsir bukan sahaja meneliti makna zahir, tetapi juga mengalami keagungan makna batin yang tersirat di sebalik keindahan bahasa.

Akhirnya, dalam konteks pendidikan moden, penerapan balāghah dalam pengajaran tafsir dapat membantu pelajar menggabungkan analisis linguistik, estetik, dan spiritual. Pelajar bukan sahaja mempelajari terjemahan literal ayat, tetapi juga memahami bagaimana pemilihan kata dan gaya bahasa berperanan dalam membentuk mesej dan kesan dakwah al-Quran. Maka, ilmu balāghah bukan hanya bidang ilmu bahasa, tetapi juga instrumen penting dalam memahami, menghayati, dan menyampaikan mesej al-Quran dengan penuh hikmah dan keindahan.

Secara keseluruhannya, ilmu al-Balāghah memiliki kepentingan besar dalam dua dimensi utama — pertama, sebagai alat mempertingkatkan kefasihan, ketepatan, dan keindahan berbahasa; dan kedua, sebagai kunci memahami keajaiban bahasa al-Quran. Tanpa penguasaan balāghah, seseorang hanya akan memahami makna literal tetapi tidak dapat menyingkap keindahan dan hikmah mendalam yang terkandung dalam susunan ayat al-Quran. Oleh itu, penguasaan ilmu ini perlu diberikan perhatian serius dalam kurikulum pengajian bahasa Arab dan tafsir, agar generasi pelajar dapat menghargai bahasa wahyu dengan ilmu, rasa, dan keindahan yang sepatutnya.

Demografi Informan: Kategori Pelajar

Jadual 1: Maklumat Demografi Informan Kategori Pelajar

Bil	Demografi	Maklumat	Kekerapan	Peratusan	
A1	Jantina	Lelaki	4	57.1%	
		Perempuan	3	42.9%	
A2	Umur	59 – 70 tahun			
A3	Taraf Pendidikan	PhD	Pengajian Islam	0	0.0%
			Bukan Pengajian Islam	0	0.0%
		Sarjana	Pengajian Islam	0	0.0%
			Bukan Pengajian Islam	0	0.0%
		Sarjana Muda	Pengajian Islam	0	0.0%
			Bukan Pengajian Islam	5	71.4%
		Diploma	Pengajian Islam	0	0.0%
			Bukan Pengajian Islam	2	28.6%
		STPM	Pengajian Islam	0	0.0%
			Bukan Pengajian Islam	0	0.0%
		STAM		0	0.0%
		SPM	Pengajian Islam	0	0.0%
			Bukan Pengajian Islam	0	0.0%
A4	Status Pekerjaan	Bekerja (Kerajaan)	0	0.0%	
		Bekerja (Swasta)	0	0.0%	
		Bekerja sendiri	1	14.3%	
		Tidak bekerja	1	14.3%	
		Pesara	5	71.4%	
		Pelajar	0	0.0%	
		Suri rumah	0	0.0%	
A5	Pengalaman Belajar Bahasa Arab	Kurang dari 1 tahun	2	28.6%	
		1-2 tahun	2	28.6%	
		3-5 tahun	1	14.3%	
		6-10 tahun	0	0.0%	
		Lebih 10 tahun	2	28.6%	
A6	Tahap Penguasaan	Sangat baik	0	0.0%	

Bahasa Arab	Baik	0	0.0%
	Sederhana	3	42.9%
	Lemah	2	28.6%
	Sangat lemah	2	28.6%

Kajian ini melibatkan seramai tujuh (7) orang informan yang terdiri daripada masyarakat awam yang mengikuti kelas pembelajaran bahasa Arab berasaskan pendekatan tafsir lughawi. Aspek demografi yang dianalisis meliputi jantina, umur, taraf pendidikan, status pekerjaan, pengalaman belajar bahasa Arab, dan tahap penguasaan bahasa Arab.

Dari segi jantina, majoriti informan terdiri daripada lelaki iaitu empat orang (57.1%), manakala selebihnya ialah perempuan seramai tiga orang (42.9%). Dari aspek umur, semua informan berada dalam lingkungan umur 59 hingga 70 tahun, menunjukkan bahawa kumpulan sasaran kajian ini terdiri daripada golongan dewasa dan warga emas yang masih aktif mengikuti pembelajaran agama.


Bagi taraf pendidikan, dapatan menunjukkan majoriti informan mempunyai kelulusan Sarjana Muda dalam bidang bukan Pengajian Islam seramai lima orang (71.4%), manakala dua orang (28.6%) pula memiliki kelulusan Diploma bukan Pengajian Islam. Tiada informan yang memiliki kelulusan di peringkat PhD, Sarjana, STPM, STAM atau SPM dalam bidang Pengajian Islam dan bukan Pengajian Islam.

Dari sudut status pekerjaan, sebahagian besar informan merupakan pesara iaitu lima orang (71.4%), manakala masing-masing seorang (14.3%) bekerja sendiri dan tidak bekerja. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar informan mempunyai masa lapang yang digunakan untuk mengikuti kelas-kelas pengajian agama, khususnya berkaitan bahasa Arab dan tafsir al-Quran.

Bagi pengalaman belajar bahasa Arab, dapatan menunjukkan taburan yang agak seimbang. Dua orang informan (28.6%) mempunyai pengalaman kurang daripada setahun, dua orang (28.6%) telah belajar antara 1 hingga 2 tahun, seorang (14.3%) mempunyai pengalaman 3 hingga 5 tahun, dan dua orang (28.6%) lagi telah belajar lebih daripada 10 tahun. Ini menggambarkan kepelbagaian tahap pengalaman belajar bahasa Arab dalam kalangan peserta yang mengikuti kelas tafsir lughawi.

Dari segi tahap penguasaan bahasa Arab, tiada informan yang menilai diri mereka berada pada tahap "sangat baik" atau "baik". Sebaliknya, tiga orang (42.9%) menganggap penguasaan mereka berada pada tahap sederhana, manakala masing-masing dua orang (28.6%) berada pada tahap lemah dan sangat lemah. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan informan masih berada pada peringkat pertengahan dalam menguasai bahasa Arab, namun tetap menunjukkan minat yang tinggi untuk mempertingkatkan kefahaman melalui pendekatan tafsir lughawi. Secara keseluruhannya, profil demografi informan menunjukkan bahawa kumpulan kajian ini terdiri daripada golongan dewasa dan pesara yang berpendidikan tinggi tetapi tidak berlatarbelakangkan pengajian Islam secara formal. Walaupun tahap penguasaan bahasa Arab mereka sederhana ke bawah, namun minat dan komitmen mereka terhadap pembelajaran tafsir lughawi menggambarkan semangat pembelajaran sepanjang hayat yang kuat dalam kalangan masyarakat awam.

Dapatan Kajian



Rajah 1: Pengecaman Unsur Balaghah


Rajah ini memaparkan tahap keupayaan pelajar mengenal pasti kewujudan unsur-unsur balaghah yang terdapat dalam al-Quran seperti *tasybih*, *majaz*, dan *kinayah*. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti pelajar (**Informan 1, 4, 5, 6, 7**) dapat mengenal pasti unsur-unsur tersebut dengan baik, contohnya dinyatakan:

“Saya dapat mengenal pasti kewujudan unsur-unsur Balaghah yang terkandung dalam al-Quran.”

Namun, **Informan 2 dan 3** mengakui masih belum dapat mengenal pasti dengan tepat:

“Saya masih tidak dapat mengenal pasti kewujudan unsur-unsur Balaghah yang terkandung dalam al-Quran.”

Perbezaan ini memperlihatkan bahawa tahap kefahaman pelajar tidak seragam — sebahagian mampu mengenal unsur retorik secara eksplisit, sementara sebahagian lagi masih bergelut memahami simbolisme dan makna tersirat dalam teks al-Quran. Hal ini menunjukkan perlunya pendedahan yang lebih sistematik terhadap contoh-contoh sebenar penggunaan unsur balaghah dalam ayat-ayat al-Quran.



Rajah 2: Pendedahan kepada Balaghah


Rajah ini menggambarkan tahap pendedahan pelajar terhadap pembelajaran aspek balaghah dalam kelas tafsir. Empat orang pelajar (**Informan 1, 6, 7, 5**) menyatakan bahawa mereka telah mempelajari aspek ini, contohnya:

“Saya telah mempelajari aspek Balaghah dalam pembelajaran tafsir ayat-ayat al-Quran.”

Manakala tiga pelajar (**Informan 2, 3, 4**) mengakui masih belum mendapat pendedahan mencukupi:

“Saya masih belum mempelajari aspek Balaghah dalam pembelajaran tafsir ayat-ayat al-Quran.”

Perbezaan ini menunjukkan bahawa walaupun sebahagian pelajar telah diperkenalkan dengan konsep balaghah, tidak semua memperoleh peluang yang sama dalam mendalami ilmu ini. Tahap pendedahan ini menjadi penentu utama kepada kefahaman dan kemampuan pelajar mengaplikasikan prinsip balaghah dalam menganalisis makna al-Quran.



Rajah 3: Kefahaman Ilmu al-Ma'ani, al-Bayan dan al-Badi'


Rajah ini menunjukkan tahap kefahaman pelajar terhadap tiga cabang utama ilmu balaghah, iaitu *al-Ma'ani* (struktur makna), *al-Bayan* (gaya penyampaian), dan *al-Badi'* (keindahan bahasa). Dapatan menunjukkan bahawa enam pelajar (**Informan 1–6**) belum memahami dengan baik ketiga-tiga cabang ini:

“Saya masih tidak faham tajuk-tajuk ilmu al-Ma'ani, al-Bayan dan al-Badi' yang terkandung dalam al-Quran.”

Hanya **Informan 7** menyatakan kefahaman positif terhadap ketiga-tiganya:

“Saya faham tajuk-tajuk ilmu al-Ma'ani, al-Bayan dan al-Badi' yang terkandung dalam al-Quran.”

Hal ini menunjukkan bahawa topik balaghah lanjutan masih mencabar bagi kebanyakan pelajar. Kekangan ini mungkin berpunca daripada istilah teknikal yang sukar serta keperluan untuk menghubungkan teori balaghah dengan aplikasi tafsir sebenar. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa walaupun pelajar sedar tentang kewujudan ilmu ini, kefahaman mendalam terhadap fungsi dan aplikasinya masih belum terbentuk secara menyeluruh.



Rajah 4: Pemahaman Unsur al-Hadhfu

Rajah ini menggambarkan kefahaman pelajar terhadap unsur *al-Hadhfu* (pengguguran kata) dalam al-Quran. Tiga informan (1, 2, 3) menyatakan bahawa mereka masih belum memahami unsur ini:

“Saya masih tidak faham unsur al-Hadhfu yang terkandung dalam al-Quran.”


Dua pelajar (4 dan 5) pula menyebut bahawa mereka hanya memahami sedikit disebabkan kekangan tumpuan semasa pembelajaran, contohnya:

“Saya hanya memahami sedikit unsur al-Hadhfu kerana kurang fokus semasa pembelajaran.”

Sementara dua pelajar (6 dan 7) menyatakan kefahaman yang baik:

“Saya faham unsur al-Hadhfu yang terkandung dalam al-Quran.”

Corak dapatan ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan unsur *al-Hadhfu* berbeza antara pelajar, dan unsur ini dilihat agak sukar kerana memerlukan kefahaman terhadap maksud tersirat dan konteks semantik. Walaupun sebahagian pelajar sudah dapat mengenali kewujudan unsur ini, kebanyakan masih berada pada tahap pengenalan asas.



Rajah 5: Penghayatan Makna Ayat


Rajah ini menilai sejauh mana pelajar dapat menghayati makna ayat-ayat al-Quran yang mengandungi unsur-unsur balaghah. Empat pelajar (**Informan 1, 6, 7, dan 5**) menyatakan bahawa mereka dapat menghayati makna ayat dengan baik, manakala tiga pelajar (**Informan 2, 3, 4**) menyatakan mereka belum dapat menghayati sepenuhnya. Contoh kenyataan positif:

“Saya dapat menghayati makna ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur Balaghah dalam penafsiran al-Quran.”

Sementara yang lain mengakui:

“Saya masih belum dapat menghayati makna ayat-ayat al-Quran yang mempunyai unsur-unsur Balaghah.”

Analisis menunjukkan bahawa penghayatan terhadap keindahan makna masih terbatas kepada pelajar yang sudah memahami fungsi unsur balaghah. Bagi pelajar lain, penghayatan belum mendalam kerana tumpuan mereka masih tertumpu kepada bentuk linguistik, bukan makna retorik yang tersirat.



Rajah 6: Perbandingan Arab–Melayu


Rajah ini meneliti kebolehan pelajar membandingkan keindahan bahasa antara teks Arab dan terjemahan Melayu. Hanya dua pelajar (**Informan 6 dan 7**) menunjukkan keupayaan berbuat demikian:

“Saya mampu membandingkan Balaghah Arab dan Melayu yang terkandung dalam al-Quran.”

Manakala lima pelajar lain (**Informan 1–5**) menyatakan mereka belum mampu berbuat demikian:

“Saya masih belum mampu membandingkan Balaghah Arab dan Melayu yang terkandung dalam al-Quran.”

Perbezaan ini menunjukkan bahawa hanya pelajar yang memiliki asas linguistik Arab dan kefahaman konteks budaya mampu menilai perbezaan gaya antara dua bahasa. Dapatan ini membayangkan bahawa aktiviti perbandingan bahasa perlu diperkukuh dalam proses pengajaran agar pelajar dapat menilai keindahan makna dan struktur ayat secara lebih kritikal.



Rajah 7: Minat terhadap Pembelajaran Balaghah

Rajah ini menunjukkan kesepakatan semua pelajar terhadap minat mempelajari balaghah dalam konteks tafsir al-Quran. Kesemua tujuh informan menyatakan dengan jelas:

“Saya berminat mempelajari elemen Balaghah dalam pembelajaran tafsir ayat-ayat al-Quran.”

Ini membuktikan bahawa walaupun tahap kefahaman pelajar terhadap ilmu balaghah masih rendah hingga sederhana, minat dan motivasi mereka untuk mendalami ilmu ini sangat tinggi. Pelajar menyedari bahawa pemahaman terhadap aspek balaghah penting untuk memahami mesej dan keindahan al-Quran secara lebih mendalam.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa pelajar masih berada di peringkat asas dalam penguasaan ilmu balaghah, khususnya dalam aspek kefahaman teori *al-Ma‘ani*, *al-Bayan* dan *al-Badi’*. Namun, mereka menunjukkan minat dan kesedaran tinggi terhadap kepentingan mempelajari aspek ini.

Pelajar yang telah mendapat pendedahan formal terhadap balaghah menunjukkan kemampuan lebih baik dalam mengenal unsur retorik, memahami makna tersirat dan menghayati keindahan bahasa al-Quran. Sementara itu, pelajar yang belum terdedah secara mendalam masih menghadapi kesukaran untuk menghubungkan unsur linguistik dengan penafsiran makna.

Secara ringkasnya, dapatan ini menegaskan bahawa penguasaan balaghah dalam kalangan pelajar boleh ditingkatkan melalui pendekatan pengajaran berasaskan analisis teks sebenar, perbandingan antara Arab dan Melayu, serta aktiviti penghayatan kontekstual yang menekankan fungsi keindahan bahasa sebagai medium dakwah dan kefahaman mendalam terhadap al-Quran.

Rujukan

- Abdul Razif Zaini, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, Muhammad Redzaudin Ghazali, & Mohd Rufian Ismail. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), 47–57. <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/4/4>
- Ahmad Hilmi, A. B., Mohd Yusoff, M. Y. @ Z., & Amir, S. (2020). Pengajian Tafsir Al-Quran: Sorotan Aliran Klasik dan Moden. *Sains Insani*, 5(2), 43–50. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no2.158>
- Aziz, A., & Saihu, M. (2022). Historisitas dan Sumber Tafsir Kebahasaan dalam Memahami Bahasa Al-Quran. Al Burhan: *Jurnal Kajian Ilmu Dan Pengembangan Budaya Al-Qur'an*, 22(01), 1–23
- Bryman, A. (2008). *Social research methods*. 3rd Edition, Oxford University Press., New York
- Crawford, J. & Irving, C. (2009). Information literacy in the workplace: a qualitative exploratory study. *Journal of Librarianship and Information Science*. 41(1), 29–38
- Elmia, Z. H., & Khoirul, U. (2022). Telaah Kitab Tafsir Bercorak Lughawi di Abad Pertengahan (Studi Komparasi antara Tafsir Anwar at-Tanzil wa Asrar at-Ta'wil fi at-Tafsir dan al-Bahr al-Muhit). *Al Muhafidz: Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir*, 2(1), 50–65.
- Farhana, I. & Munirah, A. (2015). Keberkesanan Pengajaran Bahasa Arab Untuk Pemahaman Ayat Al-Quran, *Proceeding of the International Conference on Social Science Research*, ICSSR 2015, 8 & 9 Jun, Melia Hotel, Kuala Lumpur; 890-899
- Hairun Najuwah, J. (2018). Pembangunan Komuniti Melalui Pusat Bahasa Arab Sebagai Institusi Pembelajaran Sepanjang Hayat, *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*
- Hassan Basri, A. M. D., & Mohd Azhar, Z. (2005). Pengajaran bahasa Arab untuk tujuan-khusus: Satu pandangan awal. *Masalah Pendidikan*, 20, 233–244
- Husna, A., & Fikri, M. (2023). Analisis Linguistik dalam Studi Tafsir Al-Qur'an Perspektif Pendidikan Islam. *ISLAMIC PEDAGOGY: Journal of Islamic Education*, 1(2), 108–119. <https://doi.org/10.52029/ipjie.v1i2.164>
- Jaffar, M. N., Abdul Hameed, K. R., & Ahmad, H. (2013). Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama : Analisis Keperluan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Universiti SainsIslam Malaysia. *'Ulūm Islāmiyyah Journal*, 10(March 2019), 19–29. <https://doi.org/10.12816/0002859>
- Mahdy, W. N. (2024). Tafsir Lughawi dalam Perspektif Sejarah. *Jurnal Iman Dan Spiritualitas*, 3(4), 701–708. <https://doi.org/10.15575/jis.v3i4.31327>
- Manap, N. A., Ag. Damit, S., Abas, A., & Kassim, N. (2022). Level of Proficiency Arabic Language Among Public Community in Sabah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 5(17), 33–40. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.517003>
- Md Noor, H., Ahmad Redzaudin, G., Mohammad Rofian, I., Khairatul Aqmar, A. L., Saupi, M., (2016). Tahap Penguasaan Bahasa Arab Masyarakat Awam Melalui Pelaksanaan Pembelajaran Bahasa Arab Di Masjid, *2nd International Conference On Aqidah, Shariah and Dakwah* (IRSYAD 2016)
- Merriem, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. 2nd ed. San Francisco: Jossey-Bass
- Mohd Puzhi Usop dan Mohammad Seman. (2010). *Bahasa Arab Untuk Ibadah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
- Naimah, A., Norhayuza, M., Zuraini, R., Aini, A., Juridah, A., & Midiyana, M. (2006). *Tinjauan terhadap keperluan pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama (BATA) di*

- kalangan masyarakat Islam Malaysia*. Technical Report. Institute of Research, Development and Commercialization, Universiti Teknologi MARA.
- Nasir, M. S., Yahaya, M. F., & Sahrir, M. S. (2015). Tinjauan Persepsi Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Muslim Awam Di Malaysia. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*, March 2016, 0–34
- Rosni, S. (2009). *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia
- Syafrijal, S. (2013). Tafsir Lughawi. *Al-Ta Lim Journal*, 20(2), 421–430. <https://doi.org/10.15548/jt.v20i2.39>
- Wan Mokhtar, W. R., Abd. Rahman, M. Z., Adnan, Mohamed, M. A., & Mohd Salleh, N. H. (2017). Penguasaan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. *Arabiyat Jurnal Pendidikan Bahasa Arab Dan Keba*